

# Kita akan tewas jika terus 'langgar'

**P**ENGUMUMAN seorang pengerusi badan korporat dihentikan serta-merta ekoran pelanggaran dua buah gerabak pengangkutan ringan (LRT) minggu lalu membawa 1,001 peringatan tentang kepemimpinan. Suatu isu yang hangat diperkatakan sejak beberapa lama, namun tidak mudah diselesaikan apatah lagi dalam krisis pandemik ini.

Sebelum itu pun sudah ada pelbagai kajian antarabangsa berwibawa yang menonjolkan kepemimpinan dewasa ini sudah merosot. Keseluruhannya dipenuhi dengan ketamakan, kepincangan serta keremehan khususnya dalam dunia perniagaan dan korporat, ditambah dengan kerakusan kuasa dan kegilaan kebendaan.

Bekas Ketua Polis Negara pernah mengeluh akan apa yang didakwanya sebagai campur tangan luar dalam usaha menyusun pengambilalihan kepemimpinan. Ini bukan perkhabaran baharu mahupun tertumpu kepada mana-mana satu organisasi sahaja. Maka tidak hairanlah pelbagai isu 'perlanggaran' berlaku sama

## UIAM BERHUKAH

Oleh  
**Dzulkiifi Abdul Razak**



ada nyata ataupun maya, yang dirancang atau terlanjur.

Dalam dunia siber, pelbagai celoteh dapat diperhatikan melibatkan manusia berperas cantik tetapi berperangai hodoh. Bercakap tidak serupa bikin. Membuka aib sendiri di khalayak ramai tanpa segan silu berselindung di balik kejayaan yang meragukan. Anehnya, mereka masih boleh tersenyum di muka pengadilan seolah-olah segala-galanya lumrah sahaja. Walaupun dijatuhkan hukuman tetapi belum lagi insaf, malah kesilapan sama terus diulang beberapa kali tanpa rasa bersalah. Ini dikatakan langkah penting untuk meraih populariti atau dagangan.

Ia disokong pula dengan kefahaman hidup yang apa sahaja kini boleh dijual beli termasuk maruah dan jati diri. Suatu tanggapan songsang yang boleh mengundang wabak pandemik untuk bermaharajalela, tidak kira apa juga bentuk prosedur operasi standard (SOP) yang

diusulkan.

Pokoknya, selagi tidak ada keinsafan hasil daripada keangkuhan serta ego diri, selagi itu pandemik akan terus meratah bangkai-bangkai hidup yang rata-rata degil sifatnya. Contoh terkini adalah negara India yang sudah pun menunjukkan teladan paling buruk dalam menangani Covid-19 berbanding negara-negara lain.

### MENGEMIS

India pernah mendabik dada di Forum Ekonomi Sedunia Davos pada awal tahun ini, namun kini terpaksa mengemis belas kasihan untuk menyelamatkan jutaan nyawa rakyatnya yang cukup terancam.

Apakah kita masih degil dan belum insaf apabila para pemimpin terus 'berlanggaran' dalam hal yang semakin genting dalam soal hidup dan mati mereka? Adapun ramai dalam kalangan mereka terus 'bergeseran' di khalayak umum atau di ruang kayangan masing-masing. Pelitup muka terabai sambil lewa dan memudahkan lagi rantaian virus merebak pantas, meragut lebih banyak nyawa dalam bilangan ribuan



**Tidak akan ada apa-apa vaksin atau suntikan bagi mengekang puluhan pandemik rekaan manusia yang tidak berhemah secara jujur dan mulia."**

seharian.

Kemelut di India sudah mula terbayang dan amat menggusarkan. Pilihan yang tinggal hanyalah penutupan penuh (*lockdown*) seluruh negara apabila kawalan ketat SOP tidak berkesan sepenuhnya. Apa lagi gagal mengubah tabiat untuk menzahirkan #*kitajagakita*.

Semuanya berbalik kepada soal kepemimpinan rapuh yang mengakibatkan pelbagai bentuk 'perlanggaran', sekali gus mengempur prinsip #*kitajagakita*. Dengan kata lain, ia melemahkan strategi memerangi pandemik segala macam - menabur fitnah melalui berita palsu, amalan

saling mengait antara satu sama lain, tidak tulus dan telus, berburuk sangka, ego dan pelbagai lagi.

Setiap satu memberi kemenangan mudah kepada Covid-19 serta kabilahnya seperti yang dialami sekarang; Pasti tidak akan ada apa-apa vaksin atau suntikan bagi mengekang puluhan pandemik rekaan manusia yang tidak berhemah secara jujur dan mulia.

Lantaran itu, kita akan tewas dalam menundukkan musuh yang tidak nampak in terutamanya musuh tabiat kesumat diri sendiri. Hatta, gagal merapatkan saf untuk membentengi segala muslihat diri daripada terjerumus ke dalam kancang kehinaan yang memecahkan kesatuan mutlak #*kitajagakita*.

Pendek kata, walaupun kemenangan dalam genggaman sendiri, kita waja mempereratkan satu angkata *fisabilillah* untuk menjiwai SOP. Yakni mengelakkan apa sahaja bentuk 'perlanggaran' berdasarkan kepemimpinan sendiri yang tulen dan berdisiplin.

Profesor Emeritus Tan Sri Dzulkiifi Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

**KERAJAAN tiada pilihan melainkan melaksanakan penutupan penuh berikutan kawalan ketat SOP tidak berkesan sepenuhnya dalam mengekang penularan wabak Covid-19.**  
- UTUSAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH